

Headline	Iklan pelacur di Internet		
MediaTitle	Harian Metro (Johor)		
Date	01 Feb 2012	Color	Full Color
Section	News	Circulation	289,315
Page No	14	Readership	1,981,000
Language	Malay	ArticleSize	170 cm ²
Journalist	N/A	AdValue	RM 3,655
Frequency	Daily	PR Value	RM 10,966



Iklan pelacur di Internet

JOHOR BAHRU: Sindiket pelacuran yang beroperasi di sebuah hotel di Taman Mount Austin di sini, didapati menggunakan laman web untuk promosinya dengan menawarkan wanita warga asing bagi menarik pelanggan.

Pasukan Polis Cawangan Kongsy Gelap, Maksiat dan Perjudian (D7) Ibu Pejabat Polis Kontinjen (IPK) Johor yang menyerbu hotel berkenaan pada jam 11.30 malam kelmarin, menahan lima wanita warga China.

Pegawai Turus D7 IPK Johor, Deputy Superintendan Mohammad Abd Hamid berkata, tiga pelanggan berusia antara 30-an dan 40-an ditahan bagi membantu siasatan.

"Hasil soal siasat, mereka mendakwa mengetahui khidmat disediakan di hotel itu



FOTO | Salman Hamat

CEKUP...
antara wanita ditahan dalam operasi D7, IPK Johor, kelmarin.

melalui laman web yang dipercayai dikendalikan sindiket pelacuran selepas dimaklumkan rakan.

"Semua wanita itu yang berusia berusia 20-an dipercayai masuk ke negara ini sejak sebulan lalu dan menawarkan khidmat seks kepada pelang-

gan dengan bayaran RM190 sejam," katanya.

Menurutnya, sindiket pelacuran beralih ke hotel bajet di pinggir bandar kerana menganggapnya selamat daripada serbuan polis.

"Pemeriksaan di bilik hotel dihuni wanita terbabit turut

menemui kondom yang belum dan sudah digunakan, membuktikan mereka terbabit dalam aktiviti persundalan. Ada yang menyembunyikan kondom dalam almari atau membuangnya ke dalam mangkuk tandas dengan harapan tidak ditahan," katanya.